

# 46 sokong PBS tubuh stesen televisyen Ku Li subahat kembang Kristian

BN 19 OCT 1990

KOTA BHARU, Khamis — Kerjasama Semangat 46 dengan Parti Bersatu Sabah (PBS) menunjukkan Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah, menyokong penubuhan sebuah stesen televisyen di Sabah yang dikatakan untuk tujuan mengembangkan agama Kristian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dalam manifesto PBS diterangkan mengenai tujuan parti itu hendak menubuhkan sebuah stesen televisyen.

"Tetapi dia (Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan) kata Semangat 46 punya manifesto sama dengan manifesto dia (PBS). Dalam manifesto dia, dia terangkan tujuan dia nak adakan stesen televisyen.

"Tengku Razaleigh sokong supaya dia (PBS) diberi stesen televisyen dengan maksud itu. Jadi saya tak boleh nak kata apalah kalau dah Tengku Razaleigh jadi Perdana Menteri," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan perjumpaan dengan calon dan pekerja Barisan Nasional Negeri di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan akhbar hari ini yang menyatakan penyokong Datuk Pairin marah kerana Datuk Pairin sehingga ini tidak dapat menunaikan janji hendak menubuhkan sebuah stesen televisyen di Sabah bagi mengembangkan agama Kristian.

Laporan itu juga menyebut kegagalan menunaikan janji itu menjadi pendorong utama bagi Datuk Pairin mengambil tindakan membawa partinya keluar dari BN.

Menurut laporan itu, stesen televisyen adalah salah satu janji utama Datuk Pairin kepada anggota partinya sejak pilihanraya 1986.

Perdana Menteri berkata: "kita mempunyai televisyen tetapi tidak menggunakan untuk tujuan seperti itu."

Katanya, sukar bagi kerajaan memberi kebenaran kepada Datuk Pairin menubuhkan stesen televisyen untuk tujuan itu.

Mengenai kerjasama Umno dengan Pas, Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, berkata Umno menerima sesia-

pa sahaja yang hendak bekerjasama dengannya.

Dalam satu lagi perkembangan, Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah mungkin meminta bantuan kewangan daripada kerajaan Brunei Darussalam bagi mengelakkan negara menjadi mufliis sekiranya parti itu memerintah negara ini, kata Ketua Pemuda Semangat 46 Negeri, Encik Shukri Haji Mohamed.

Beliau berkata, langkah itu perlu bagi memenuhi segala janji Semangat 46 seperti yang termaktub dalam manifesto pilihanrayanya.

Bercakap kepada Berita Harian di pejabatnya di sini, hari ini, beliau berkata, sebagai bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh tentu tahu sumber kewangan yang akan diperolehi untuk membiayai perbelanjaan kerajaan pentadbirannya.

Mengenai kemungkinan Umno dan Pas berunding untuk mengadakan kerjasama, Encik Shukri berkata, Semangat 46 negeri juga sedia bekerjasama dengan BN sekiranya pucuk pimpinan barisan bersetuju dengan dasar dan gagasan Semangat 46.